

Jabatan Pendaftar

Registry

Rujukan Kami (Our Ref.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 (21)

 Ogos 2014

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 7 TAHUN 2014 : PEMBERIAN INSENTIF
KEPADA STAF AKADEMIK DAN JURUTERA PENGAJAR YANG MENDAPAT
KELAYAKAN PROFESIONAL (IR) DALAM TEMPOH PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 7 Tahun 2014 mengenai Pemberian Insentif Kepada Staf Akademik Dan Jurutera Pengajar Yang Mendapat Kelayakan Profesional (Ir) Dalam Tempoh Perkhidmatan Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAZAK BIN JA'AFAR)
Penolong Pendaftar
Unit Pengurusan Governan
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k :

Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 7 TAHUN 2014

PEMBERIAN INSENTIF KEPADA STAF AKADEMIK DAN JURUTERA PENGAJAR YANG MENDAPAT KELAYAKAN PROFESIONAL (IR) DALAM TEMPOH PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang berhubung dengan Pemberian Insentif Kepada Staf Akademik dan Jurutera Pengajar Yang Mendapat Kelayakan Profesional (Ir.) Dalam Tempoh Perkhidmatan Di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 21 Bil 1/2014 bertarikh 28 Mac 2014 telah meluluskan Pemberian Insentif "*One Off RM3,000*" kepada Staf Akademik dan Jurutera Pengajar Yang Mendapat Kelayakan Profesional (Ir.) dalam tempoh perkhidmatan di Universiti Malaysia Pahang.
- 2.2 Pemberian Insentif ini bagi memberikan penghargaan kepada Staf Akademik dan Jurutera Pengajar yang telah berjaya mendapat "Ir." semasa berkhidmat di UMP. Selaras dengan misi universiti untuk menyediakan pembelajaran teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti, tenaga pengajar kita perlu dilengkapi dengan teknologi dan inovasi terkini secara berterusan.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Berdasarkan kenyataan oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) di dalam setiap Laporan Keputusan Akreditasi yang dikeluarkan, pihak BEM sentiasa menekankan tentang keperluan 3 Jurutera Profesional (P.Eng) bagi setiap program kejuruteraan UMP.

3.2 Perkiraan Jurutera Profesional ini juga dikira di dalam pencapaian di bawah Bidang Keberhasilan Utama Universiti (KRA 1) iaitu Peningkatan Kualiti Akademik menerusi petunjuk prestasi staf akademik yang mempunyai 5 tahun pengalaman industri / kelayakan professional.

4.0 PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN

Jenis Kelayakan Profesional	Jumlah Insentif (RM)
Kelayakan profesional (Ir) - Akademik & Bukan Akademik (Jurutera Pengajar)	RM3,000.00

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 28 Mac 2014.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

PENDAFTAR

Tarikh : 21 AUG 2014

Edaran kepada :

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan Kepada :

YH Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)